

AS dipelawa pilih Malaysia jadi destinasi pelaburan

Syarikat Fortune 500 dicadang terbabit sektor ekonomi digital, kereta elektrik

Washington DC: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mempelawa pelabur dan ahli perniagaan Amerika Syarikat (AS) untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan.

Beliau mengalu-alukan mereka, terutama syarikat Fortune 500 untuk melabur atau mening-

katkan pelaburan, iaitu dalam sektor ekonomi digital, teknologi hijau dan kereta elektrik.

"Saya cadang Tesla membuat pelaburan di Malaysia dalam menghasilkan kereta elektrik," katanya kepada media Malaysia selepas menemui Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-ASEAN (AS-ABC), Ted Osius di sebuah hotel di sini, kelmarin.

AS-ABC ditubuhkan pada 1984 mewakili 170 perniagaan utama Amerika di Asia Tenggara.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan kerja selama empat hari ke AS, termasuk bertemu Presiden Joe Biden dan pemimpin ASEAN, berkata beliau telah meminta AS-ABC untuk memainkan peranan lebih besar dalam menarik pelaburan ke



Ismail Sabri bergambar kenangan bersama rakyat Malaysia yang menetap di Amerika Syarikat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bersama Keluarga Malaysia.

(Foto BERNAMA)

ASEAN, terutama Malaysia.

"Mereka menganggap Malaysia sebagai rakan perdagangan Amerika Syarikat yang penting," kata Perdana Menteri mengenai reaksi AS-ABC.

Kemudian, Ismail Sabri mempunyai sesi berasingan dengan Setiausaha Agung World Information Technology and Services Alliance (WITSA), Dr James H Poisant di tempat yang sama.

WITSA, katanya, akan mengadakan Kongres Dunia mengenai Teknologi Maklumat (WCIT), persidangan teknologi maklumat (IT) terbesar dunia di Pulau Pinang pada September.

"Saya berharap kongres ini

akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari segi teknologi," katanya menambah, peserta dari seluruh dunia akan berhimpun di kongres itu, termasuk penceramah dari agensi angkasa AS.

Dalam pertemuan lain di tempat sama, Perdana Menteri bertemu Presiden Peterson Institute for International Economics, Dr Adam S Posen dan Naib Presiden East-West Center, Dr P Limaye.

Ismail Sabri turut mengadakan perbincangan berasingan dengan Timbalan Penolong kepada Presiden AS dan Penyelaras Hal Ehwal Indo-Pasifik di

Majlis Keselamatan Negara, Dr Kurt M Campbell.

Beliau memberitahu Dr Campbell bahawa semua negara anggota ASEAN perlu terlibat dengan cadangan inisiatif Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF) yang diterajui AS.

Pada masa ini, beberapa negara daripada kumpulan itu tidak terlibat dalam inisiatif perdagangan dan ekonomi utama untuk rantau Indo-Pasifik.

"Malaysia berpandangan semua negara ASEAN perlu dilibatkan," katanya sambil menambah Kuala Lumpur pada dasarnya bersetuju menyertai IPEF.

BERNAMA